

Najib tak pernah menuntut kekebalan

Bekas PM mohon kesaksamaan, hak diberikan perlindungan undang-undang

Oleh **Ahmad Johan** Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Najib Razak, menegaskan beliau tidak pernah menuntut sebarang kekebalan daripada setiap pendakwaan jenayah yang dikenakan terhadap dirinya, sebaliknya memohon kesaksamaan dalam perlindungan undang-undang.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, hakikatnya hanya beliau seorang yang didakwa bagi kesalahan dilakukan orang lain berkait empat pertuduhan penyelewengan RM2.3 bilion dana milik 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan 21 tuduhan pengubahan wang haram.

Beliau berkata, pihak pendakwaan membuat pelbagai insiniasi (tuduhan yang tersembunyi), termasuk teori tanggungan jenayah bersama yang tidak pernah diketahui sebelum ini seperti 'teori imej cermin' bahawa tindakan orang lain bolehlah dianggap sebagai tindakannya sendiri.

Katanya, bahkan, tiada seorang pun termasuk pendakwaan yang mengetahui asas perundangan sebenar untuk menyatakan bahawa arahan orang lain adalah perlu dipertanggungjawabkan ke atas dirinya.

Najib yang juga bekas Menteri Kewangan berkata, ia jelas menunjukkan sifat apakah pendakwaan terhadap dirinya, sedangkan individu lain dibiarkan (bebas) di luar kandang tertuduh, hanya untuk dimasukkan ke kandang saksi bagi memberikan keterangan terhadap beliau.

Sementara itu, Najib berkata, tidak mungkin beliau dapat menyediakan pembelaan jika setiap pertuduhan yang dikenakan terhadapnya tidak tetap dan berubah-ubah.

"Adakah saya dituduh atas satu perbuatan atau beberapa? Atas

satu keputusan atau beberapa keputusan? Atas satu peranan atau semua peranan yang pernah saya pegang? Pertuduhan ini menge-lirukan serta memudaratkan.

"Jika pendakwaan yang bersifat 'berganda' sebegini dibenarkan, maka tiada sesiapa pun, sama ada seorang Perdana Menteri atau rakyat biasa akan dapat memastikan apakah sebenarnya tuduhan yang perlu dijawab dan tanpa kepastian itu, mana mungkin wujudnya keadilan.

"Sebagai bekas Perdana Menteri, saya tidak pernah menuntut sebarang bentuk kekebalan, jauh sekali, saya hanya menuntut kesaksamaan, hak untuk diberikan perlindungan undang-undang seperti mana-mana individu lain yang dibicarakan sebelum saya," katanya.

Beliau berkata demikian menen-rusi kata pengantar yang dibacakan daripada kandang tertuduh pada awal prosiding hujahan di akhir kes pembelaan tuduhan penyelewengan dana 1MDB di hadapan Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah, semalam.

Mengikuti pertuduhan, Najib berdepan empat tuduhan menggunakan kedudukannya untuk mendapatkan suapan RM2.28 bilion daripada dana 1MDB dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan jumlah yang sama.

Beliau didakwa melakukan kesalahan itu di Amlslamic Bank Berhad, Bukit Ceylon, di sini antara 24 Februari 2011 dan 19 Disember 2014, manakala bagi pertuduhan pengubahan haram pula antara 22 Mac 2013 dan 30 Ogos 2013 di lokasi sama.

Najib turut menyatakan bahawa setiap pertuduhan jenayah pada umumnya mestilah bersifat spesifik.

Bekas Presiden UMNO itu berkata, mahkamah tidak pernah bertolak ansur dengan keadaan sedemikian tetapi bagi kesnya, pendakwaan berterusan meminta berulang kali untuk melonggarkan peraturan itu dengan memutar tafsir keputusan-terdahulu.

Katanya, setiap tuduhan dikenakan terhadapnya menyembunyikan dakwaan lain yang memaksanya untuk bermain teka-teki dan penelitian terperinci terhadap keseluruhan bukti dalam kes itu jelas menunjukkan bahawa pihak pendakwaan ha-

nya bergantung sepenuhnya kepada keterangan 'dengar cakap'.

Beliau berkata, pendakwaan bahkan tidak memenuhi prasyarat asas bagi penerimaan keterangan 'dengar cakap' yang bersifat prejudis, dan tiada sebarang usaha pun dibuktikan dalam usaha mereka untuk mencari mana-mana saksi penting terutama ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low

"Setakat rekod yang ada, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak pernah sekalipun menyebut adanya percubaan untuk mengesan mereka sebelum memohon mahkamah ini membuat penentuan bahawa mereka sememang tidak dapat ditemukan.

"Adalah jelas mengapa keterangan 'dengar cakap' itu ingin diterima masuk, ia adalah bagi membuktikan kebenaran dalam pernyataan yang diberikan oleh Jho Low, Datuk Azlin (bekas Ketua Setiausaha Sulit Najib, Alahyarham Datuk

Azlin Alias) atau Nik Faisal (bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Nik Faisal Ariff Kamil) yang jika tidak, akan kekal sebagai ditolak, iaitu bahawa arahan atau perintah yang didakwa itu kononnya berpunca dari saya," katanya.

Wang derma

Selain itu, Najib berkata, kesemua tindak tanduknya adalah selari dengan keyakinan bahawa wang yang dipindahkan ke dalam akaunnya adalah derma yang dijanjikan Almarhum Raja Abdul-lah dari Arab Saudi.

Beliau berkata, ia tidak sama seperti saksi pendakwaan yang memberi keterangan terhadapnya di mahkamah, malah beliau sama sekali tidak mempunyai sebarang akaun luar pesisir, tidak seperti bekas peguam 1MDB, Jasmine Loo Ai Swan dan bekas pegawai khasnya, Datuk Amhari Efendi Nazaruddin yang mendaftarkan akaun bank melalui syarikat luar pesisir.

Katanya, sebaliknya beliau membuka akaun bank sebuah

bank tempatan dan Gabenor Bank Negara Malaysia ketika itu, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz, serta-merta dimaklumkan berhubung tujuan pembukaan akaun berkenaan, iaitu untuk menerima derma daripada Kerajaan Arab Saudi.

Beliau turut menghujahkan bagaimana derma itu dibelanjakan, iaitu dengan dimanfaatkan bagi tujuan politik serta kebajikan masyarakat secara khusus.

"Perbelanjaan telah dibuat melalui cek, dengan setiap sen perbelanjaan direkodkan. Tiada sebarang lukisan bernilai jutaan ringgit atau harta mewah telah dibeli daripada dana yang saya terima itu.

"Sesungguhnyanya amat mengejutkan apabila meskipun wujud gambar-gembur media berhubung jumlah sebanyak AS\$681 juta, keseluruhan jumlah itu belum pernah dibuktikan boleh dikesan kepada 1MDB.

"Lebih mengejutkan lagi ialah hakikatnya, saya sendiri

memulangkan sejumlah AS\$620 juta kepada akaun asal kerana dana itu tidak lagi diperlukan. Sebelum pemulangan derma, saya menulis sepucuk surat kepada Gabenor bagi mendapatkan kelulusan rasmi bagi pemulangan.

"Barangkali, sayalah satu-satunya 'ahli politik atau 'pengubah wang haram' yang telah memulangkan semula 'suapan' yang diperolehi dan barangkali juga yang pertama dalam sejarah yang telah memberikan notis terhadap wang 'haram' itu kepada Gabenor BNM sendiri," katanya.

Najib berkata, dana 1MDB berjumlah AS\$1.6 bilion pula secara ironinya diselewengkan Azmi Tahir, iaitu bekas Ketua Pegawai Kewangan 1MDB dan pegawai awam yang menerima keseluruhan AS\$1 juta daripada Jho Low adalah Amhari.

Beliau berkata, secara keseluruhannya, mereka semua dianggap sebagai saksi berwibawa terhadap dirinya, seolah-olah tiada sebarang motif peribadi untuk melepaskan diri mereka.

Katanya, selain itu pegawai

awam yang sama mengaku mereka melaksanakan 'rancangan sulit' serta 'talking points' daripada Jho Low melalui saluran tidak rasmi dan kemudiannya menghapuskan sebahagian besar daripadanya.

Najib berkata, di mahkamah, mereka menegaskan segala apa yang datang daripada Jho Low kononnya berpunca daripadanya dan segala salah laku yang dilaksanakan adalah kononnya di bawah arahnya.

"Walaupun mereka mengingkari arahan Lembaga Pengarah, membuat keputusan tanpa kelulusan, melaksanakan pembayaran tidak sah berjumlah berbilion-bilion dan menerima imbuhan haram, mahkamah ini tetap tidak menemui sebarang sebab untuk meragui mereka ataupun kredibiliti mereka sebagai saksi.

"Selagi mana mereka mampu memberi keterangan terhadap saya, apa jua yang mereka katakan, akui, atau lakukan, walaupun boleh dipersoalkan, mengejutkan atau sukar untuk dipercayai, tidak sekali-kali akan menjejaskan kebolehpercayaan mereka.

"Adalah nyata saksi pendakwaan dipilih bukan kerana apa yang mereka akan katakan, tetapi kerana apa yang mereka sanggup katakan. Saksi pembelaan tidak dipilih oleh Pendakwa Raya, bukan kerana mereka tiada mempunyai apa-apa untuk diberitahu tetapi kerana apa yang mereka akan beritahu di mahkamah.

"Maka tidaklah mengejutkan sekiranya saya dituduh dan diperintahkan untuk membela diri saya atas dakwaan menandatangani dokumen yang tidak pernah langsung dikemukakan di hadapan mahkamah ini," katanya.

Najib berkata, ia bukan kerana dokumen itu hilang, tetapi hanya kerana saksi pendakwaan mendakwa sedemikian, maka secara automatik, beliau yang menandatangani dokumen yang tidak wujud itu.

Beliau berkata, walaupun pendakwaan kemudiannya mengakui dokumen itu sememangnya tidak pernah wujud tetapi bagi mahkamah oleh kerana saksi pendakwaan menyatakan 'jadi', maka jadilah ia.



Najib Razak